

Nor dan Fadzil 7/12/87 calon mutlak?

SEREMBAN, Ahad — Empat Datuk Lembaga Tiang Balai yang menganggotai 'Jemaah Tertinggi Adat' Luak Sungai Ujong akan ditentukan oleh Datuk Shahbandar Shahari Haji Hassan berikutan penggantian jawatan Datuk Azman Jamlus selaku penyandang pesaka Datuk Seri Maharaja Diraja.

Perbezaan pendapat di kalangan empat Datuk Lembaga berkenaan sebelum ini dikatakan menjadi punca utama yang menyebabkan krisis perantikan Datuk Kelana (Undang Luak Sungai Ujong) ke-10 berlarutan lebih empat tahun.

Bagaimanapun, setakat ini dua Datuk Lembaga yang dipercayai sudah pasti akan menganggotai jemaah itu ialah Datuk Andika Mendelika Fadzil Nordin dan Datuk Penghulu Dagang Paroi Mohd Nor Abdullah. Kedua-duanya ialah Datuk Lembaga Waris di Darat Luak Sungai Ujong.

"Masalah kecil yang timbul sekarang ialah penentuan dua lagi Datuk Lembaga Tiang Balai yang mewakili anak-anak

Waris di Alir berikutan penggantian jawatan Datuk Seri Maharaja Diraja yang disandang oleh Datuk Azman Jamlus sejak lebih setahun lalu.

"Selain itu, kedudukan seorang lagi Datuk Lembaga yang mewakili anak-anak Waris di Alir iaitu Datuk Akhir Zaman Rantau yang kini disandang oleh Datuk Bahari Hamzah dikatakan masih dipertikaikan oleh sesetengah pihak.

Kematian

"Oleh itu, Datuk Shahbandar Shahari selaku Pengerusi jemaah ini terpaksa menggunakan budi bicaranya bagi menentukan dua lagi Datuk Lembaga yang akan menganggotainya nanti," kata sumber tertinggi adat di sini.

Jemaah itu dibentuk bagi membantu Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan merumuskan penyelesaian terhadap krisis berikutan kematian Undang kesembilan, Allahyarham Datuk Kelana Mohd Kassim Datuk Nika Haji Abdul Raahid, pada 28 Oktober 1983.